

MELAKA

Pusat Penyebaran Islam di Nusantara




18

M



MOHD JAMIL MUKMIN





MOHD. JAMIL BIN MUKMIN pernah berkhidmat dalam pelbagai agensi kerajaan peringkat daerah, negeri dan Persekutuan di dalam Perkhidmatan Tadbir Am (PTA) dan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PTD) dari tahun 1970 hingga pertengahan 1994 sebelum bersara secara pilihan dan kemudian menjawat jawatan sebagai Pengurus Besar Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP), Pengurus Besar Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) dan sekarang ini Timbalan Pengerusi Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP).

Memiliki Ijazah Sarjana Muda Sastera (BA) dan Diploma Pentadbiran Awam (DPA) dari Universiti Malaya (UM) masing-masing pada tahun 1970 dan 1978. Beliau mendapat Sarjana Pentadbiran Awam (MPA) dari *University of Southern California, USA* (1981). Beliau telah mengikuti kursus di dalam Program dan Pengurusan Pelaburan Ekonomi (PIAM) di *University of Harvard, Boston, USA* (1986).

Mohd. Jamil aktif menulis sejak di sekolah menengah lagi. Beliau pernah menjadi Ketua Pengarang / Pengarang dan menerbitkan majalah keluaran persatuan pelajar Sekolah Menengah dan Universiti seperti majalah Ekonomi, Hidayat, Sejahtera, Mahasiswa Islam, Suara Siswa dan menulis artikel di dalam penerbitan tersebut. Ketika berkhidmat di dalam perkhidmatan awam, beliau pernah menganggotai jemaah pengarang Berita Pentadbir. Beliau juga menulis dalam majalah-majalah seperti Dewan Masyarakat, Mastika, Santajiwa dan lain-lain. Sehingga kini, beliau telah menghasilkan beberapa buah buku seperti *Sejarah Perkembangan Islam* (1992); *Islam Kebenaran dan Keadilan* (1993); *Melaka Pusat Penyebaran Islam di Nusantara cetakan pertama* (1994); *Dasar Belia Negara – Satu Tinjauan* (1994); *Peranan dan Fungsi Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan Suatu Analisis – Penggerak Jentera Pembangunan* (1998); dan *Gerakan Belia 4B Malaysia : Sejarah, Perjuangan dan Cabaran* (2002).

Beliau aktif di dalam pergerakan pelajar dan belia. Pernah menjadi Setiausaha Kehormat Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya (PMIUM – 1967/68), Setiausaha Agung Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Islam Malaysia (PKPIM – 1969/70), salah seorang pengasas Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Setiausaha Agung Gerakan Belia 4B Malaysia (1971/73), Setiausaha Agung Majlis Belia Malaysia (MBM – 1976-79), Naib Pengerusi Kongres Belia Sedunia untuk Pembangunan dan Makanan yang berpusat di Cairo (1978/79) dan Setiausaha Malaysia bagi Jawatankuasa Majlis Belia Asean (CAYC – 1978/79).

Di atas perkhidmatan beliau dengan kerajaan dan pertubuhan sukarela yang cemerlang selama lebih dari 30 tahun itu, beliau telah menerima berbagai anugerah diperingkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa dan anugerah yang tertinggi ialah Darjah Mulia Seri Melaka (DMSM) yang membawa gelaran Datuk daripada Tuan Yang Terutama (TYT) Yang DiPertua Negeri Melaka pada tahun 2001.